

MAJLIS MAKAN TENGAHARI BERSAMA KOMANDER PANGKALAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2357-majlis-makan-tengahari-bersama-komander-pangkalan

LABUAN , 24 Ogos 17 - Satu Majlis Makan Tengahari Anggota LLP PU Labuan telah diadakan di Dewan Makan Wisma Ahli Udara bersama Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Zulkifli bin Hamid TUDM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada YBhg Komander yang akan bertukar keluar mulai 5 Sep 17. Semua Eksekutif Pangkalan turut serta dalam majlis ini termasuklah Staf Tadbir Awam.

Dalam ucapannya, beliau menyeru kepada semua warga PU Labuan agar terus memberikan komitmen yang jitu, kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada bakal pengganti beliau kelak dan jauhi melibatkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan perkhidmatan. Dalam pada itu, Pegawai Laksana Pangkalan mewakili seluruh warga PU Labuan telah menyampaikan cendera kenangan kepada YBhg Komander.

